


0000101562

LABUAN PULAU BEBAS CUKAI DAN POTENSINYA SEBAGAI PUSAT MEMBELI-BELAH

Disediakan untuk



LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN
DISEMBER 1997



PENYELIDIK :

Arsiah Hj. Bahron (Ketua)

BSc. (South Carolina, USA), MBA (UKM'sia)

Ratnawati Datuk Hj. Osman

DIA (ITM), BSc. (Finance) (Southern Illinois, USA)
MBA (Morehead, Kentucky USA)

*Universiti Malaysia Sabah
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Tel: 088 434001 Fax: 088 433981
E-Mail: pejspe@ums.edu.my*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LABUAN PULAU BEBAS CUKAI DAN POTENSINYA SEBAGAI PUSAT MEMBELI-BELAH

Oleh :

Arsiah Hj. Bahron
Ratnawati Hj. Osman

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah

Disember 1997

Laporan ini diserahkan kepada Lembaga Pembangunan Labuan sebagai sebahagian daripada aktiviti kerjasama yang termaktub dalam Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Kerjasama di antara Universiti Malaysia Sabah dan Lembaga Pembangunan Labuan dalam bidang kerjasama mengadakan aktiviti penyelidikan.

PERPUSTAKAAN UMS



1000115562



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Abstrak

Dengan pengisytiharan semula Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC) pada tahun 1956, maka terbuka luaslah pintu Labuan untuk menerima pelancong tempatan dan luar negara untuk datang menikmati keindahan alam semula jadinya ataupun mengambil kesempatan untuk membeli-belah. Kajian ini telah dijalankan untuk meneliti beberapa persoalan yang berkaitan dengan kemampuan Labuan dan potensinya untuk menjadi pusat membeli-belah. Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat 1) potensi Labuan menjadi sebuah pusat membeli-belah terkenal; 2) trend membeli-belah para pelancong dan 3) jenis barang yang menjadi tumpuan para pelancong.

Responden kajian ini terbahagi kepada tiga kumpulan utama, iaitu pelancong (200 orang) yang terdiri daripada pelancong tempatan dan luar negara, pekedai (131 orang) yang meliputi 22 jenis barang utama yang dijual, dan penduduk tempatan (198 orang). Kaedah temubual langsung melalui soal-selidik telah digunakan dan data dianalisis menggunakan jadual taburan frekuensi dan juga jadual silang untuk beberapa angkubah utama yang berkaitan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa para pelancong yang datang ke Labuan dengan berbagai tujuan, rata-ratanya membelanjakan wang untuk membeli-belah. Tumpuan barang pilihan mereka ialah tekstil, cokelat, barang elektrik, rokok, alkohol dan barang kosmetik. Beberapa variasi dapat dikenal pasti di kalangan responden terutamanya tumpuan dan jumlah perbelanjaan. Para pekedai pula merasakan bahawa mereka telah menawarkan berbagai jenis barang dengan harga yang agak stabil. Namun masih banyak yang perlu mereka lakukan untuk membantu Labuan menjadi pusat membeli-belah yang terkenal.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa Labuan sebagai PBC mempunyai potensi untuk menarik pelancong membeli-belah dan ia mempunyai potensi untuk menjadi pusat membeli-belah berdasarkan pandangan dan trend membeli-belah yang diperhatikan di kalangan para pelancong. Kajian ini juga mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh berbagai pihak untuk membantu Labuan mencapai matlamat menjadi sebuah pusat membeli-belah.